

# Rafidah bidas ahli2 Umno jauhi Islam

**KUALA LUMPUR, Isnin** — Sikap ahli-ahli UMNO yang hanya pandai mendesak Kerajaan melipatganda usahanya memperluas syiar Islam di negara ini tetapi mereka sendiri gagal mendampingi agama dalam erti kata sebenar-benarnya, dibidas semalam.

Sikap demikian bukan sahaja boleh menjatuhkan maruah UMNO sebagai pendokong agama Islam negara, juga merugikan negara, kata Menteri Perusahaan Awam yang juga Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datin Paduka Rafidah Aziz.

"UMNO telah banyak berusaha untuk meninggikan syiar Islam seperti menambah pembinaan masjid.

"Tetapi malangnya, terdapat ahli-ahli UMNO yang tidak mahu hampir dengan Islam."

Beliau yang juga menjadi Timbalan Ketua Pergerakan Wanita UMNO, kesal kerana sedikit sekali bilangan ahli UMNO yang menjadi ahli jawatankuasa masjid, termasuk menjadi imam.

"Keadaan ini seharusnya tidak berlaku. Harus diingat, sebagai seorang Imam atau pensyarah agama, seseorang itu boleh mendampingi rakyat dengan lebih bermakna lagi," ujarnya.

Beliau berkata demikian sewaktu menutup pertandingan nasyid, syarahan dan musabiqah al-Quran untuk kanak-kanak anjuran Pergerakan Wanita UMNO Bahagian Selayang di sini.

Datin Paduka Rafidah juga membidas sikap setengah-setengah ibubapa yang tidak mengambil berat tentang pendidikan agama anak-anak mereka sehinggakan ada anak-anak mereka yang tidak tahu membaca al-Quran langsung.